

3/9/2001
4.m)

KUIM bersih daripada



DR. ABDUL Shukor melekatkan Jalur Gemilang ke atas kenderaan milik pelajar dan kakitangan KUIIM pada upacara mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan Hari Kebangsaan di hadapan bangunan KUIIM, di Pandan Indah, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

aktiviti antikerajaan

Oleh ARSHAD KHAN

KOLEJ Universiti Islam Malaysia (KUIIM) akan memastikan bahawa golongan pelajar dan kakitangannya tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang berbentuk provokatif atau menentang kerajaan.

Rektornya, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin berkata, pihak KUIIM sentiasa mengawasi segala tindak-tanduk dan aktiviti pelajar kolej itu.

"Dalam memastikan agar tidak wujud sebarang pergerakan yang tidak diinginkan, pihak kami akan memberikan penekanan yang tinggi ke atas aspek disiplin pelajar dan kakitangan," katanya selepas merasmikan upacara mengibarkan Jalur Gemilang sempena perayaan Hari Kemerdekaan di kampus kolej itu di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Penekanan ini menurutnya bertujuan agar pelajar dan kakitangan tidak tersasar daripada tujuan asal untuk mengajar, mentadbir dan menimba ilmu demi kebaikan agama dan negara.

Menurut Dr. Shukor, KUIIM juga kerap menganjurkan pelbagai bentuk program bertujuan untuk menambah semangat patriotisme

pelajar dan kakitangannya.

"Acara seperti mengibarkan bendera Jalur Gemilang ini umpamanya membolehkan KUIIM membentuk generasi yang cintakan negara," ujarnya.

Selain itu menurutnya, KUIIM juga tidak menggalakan pelajar menyertai sebarang program anjuran pihak luar yang mana tujuannya kurang jelas.

"Kami tidak galakkan pelajar kami daripada mengikuti sebarang program kerana bimbang mereka terpengaruh dengan hasutan politik pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab semasa menghadiri program tersebut," jelasnya.

KUIIM memulakan operasinya bermula awal tahun lepas dan diwartakan sebagai institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang ke-12 di negara ini oleh pihak kerajaan.

Sementara itu, mengulas mengenai kampus tetap KUIIM yang bakal didirikan di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Dr. Shukor berkata segalanya berjalan mengikut perancangan asal dan tidak wujud sebarang masalah.

"KUIIM dijangka akan berpindah ke kampus tetap tersebut menjelang

tahun 2004," jelasnya.

Sementara itu, majlis mengibarkan Jalur Gemilang yang diadakan itu dihadiri oleh hampir seramai 100 orang pelajar dan kakitangan KUIIM.

Upacara mengibarkan bendera itu diadakan seiring dengan nyanyian lagu *Negaraku* oleh hadirin yang hadir diikuti dengan acara melekatkan Jalur Gemilang pada kenderaan pelajar dan kakitangan kolej itu.



(Istilah undang-undang)

Benefit of the doubt
- faedah keraguan

Shall be deemed
- hendaklah disifatkan sebagai

Appellate review
- kajian semula rayuan